22 DISEMBER 2024

CHURCH OF DIVINE MERCY

Alamat: 117, Jalan Kenari, Sg. Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-646 6881 / 013-584 6881 | **E-mel:** divinemercypg@yahoo.com
Laman Web: www.cdm.my | **Facebook:** Church of Divine Mercy Sg Ara | **Instagram:** @cdmpenang
Jam Kerja Pejabat Paroki: *Tutup hari Isnin*
9.00pg - 5.00ptg (Selasa - Jumaat) | 9.00pg - 1.00ptg (Sabtu & Ahad)

SCAN ME!

LINKTR.EE/CDMPENANG

CDM Kampung-Ku -- (Dis 2024) Persekutuan Natal - Peziarah Harapan

Bicara Paderi...

Menjelang kelahiran Juruselamat kita Yesus Kristus, bacaan-bacaan Injil memberi kita nubuatan yang jelas tentang kedatangan Mesias, menawarkan kepada kita karunia penebusan yang luar biasa yang Kristus telah dihantar ke dunia untuk digenapi, dan menunjukkan kepada kita bagaimana misi-Nya telah bermula ketika Dia masih dalam kandungan. Injil membawa kita ke "daerah perbukitan" di mana Maria dalam sukacitanya telah melakukan perjalanan "dengan tergesa-gesa" untuk bertemu dengan sepupunya, Elisabet. Elisabet dalam umur yang sudah lanjut sedang mengandung Yohanes Pembaptis, orang yang akan mendahului Yesus untuk mengumumkan kedatangan Mesias. Pertemuan itu adalah peristiwa alamiah dan ghaib! Ketika pertama kali mendengar suara Maria, Elisabet, yang "penuh dengan Roh Kudus", berseru kepada Maria, "Diberkatilah engkau di antara para wanita dan diberkatilah buah rahimmu. Dan bagaimanakah hal ini terjadi kepadaku, bahawa ibu Tuhanku datang mengunjungiku?" Bahkan sebelum kedua-dua wanita itu mempunyai masa untuk bercakap bersama, pemahaman yang mendalam tentang misteri yang tersembunyi memenuhi hati Elisabet.

Bukan sahaja Elisabet yang secara ghaib mengenali siapa yang telah datang. Anak yang dikandungnya juga dipenuhi dengan Roh Kudus dan melonjak kegirangan di dalam rahim Elisabet ketika mendengar salam Maria. Yohanes melompat kegirangan kerana Allah telah menjadikannya sebagai pemberita, orang yang akan mengumumkan kedatangan Yesus dan inilah misi yang diberikan Tuhan dalam kehidupannya. Sungguh pertemuan yang penuh sukacita dan dipenuhi oleh Roh Kudus bagi keempat-empat orang ini, semuanya memenuhi peranan yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Jawapan "ya" dari Maria atas kehendak Tuhan adalah pintu gerbang yang melaluinya Anak Tuhan datang ke dalam dunia, dan penerimaan Elisabet atas kehendak Tuhan membolehkan anaknya untuk mempersiapkan jalan bagi Tuhan. Seperti mereka, kita pun telah diberi kesempatan untuk memenuhi misi unik kita yang diberikan oleh Tuhan. Hal ini memerlukan jawapan "ya" kita, penyelarasan kehendak kita dengan kehendak Tuhan untuk melakukan bahagian kita dalam rancangan keselamatan-Nya.

Semasa Yohanes Pembaptis yang belum lahir mengenali Yesus yang belum lahir, Elisabet menyedari bahawa Maria memang melakukan bahagiannya dalam rancangan Tuhan, kerana ia berkata, "Berbahagialah engkau, yang percaya bahawa apa yang dikatakan Tuhan kepadamu akan digenapi." Elisabet mengakui keyakinan dan kepercayaan Maria kepada Tuhan. Seperti Elisabet, kita mengakui dan menghormati perjalanan suci iman Maria, yang menjadi teladan bagi kita. Dalam perjalanan iman kita sendiri, kadang-kadang kita sukar untuk menerima apa yang tidak dapat kita fahami sepenuhnya. Maria juga tidak memahami segala-galanya, tetapi ia tetap maju dengan tergesa-gesa, dibimbing oleh iman. Imannya memberi kita iman, keberaniannya memberi kita keberanian, supaya kita pun dapat bergegas untuk memenuhi kehendak Tuhan dalam hidup kita.

Tindakan kasih karunia dalam rahsia rahim mengingatkan kita bahawa Tuhan sering kali bekerja dengan cara-cara yang kecil dan tersembunyi. Nabi Mikha merasakan hal ini ketika ia berbicara kepada kota kecil Betlehem, yang terlalu kecil untuk diberi perhatian oleh dunia. Mikha berbicara tentang kepercayaan dan pengharapan, meyakinkan orang-orang bahawa daripada merekalah akan datang Mesias. Dari tempat yang kecil dan sederhana ini akan datang seorang penguasa "yang asalnya dari zaman purbakala." Sang nabi tidak tahu bila Mesias akan datang, tetapi ia tahu bahawa Ia akan datang. Di sini kita melihat kekekalan rancangan Tuhan dan menyedari bahawa setiap daripada kita, baik yang kecil mahupun yang tersembunyi, memiliki peran dalam penggenapan rancangan tersebut.

"Berbahagialah kamu yang percaya bahawa apa yang difirmankan oleh Tuhan kepadamu akan digenapi." - Lukas 1:45

- Bilakah saya pernah mengalami diberkati oleh Tuhan?
- Bagaimanakah saya, seperti Maria, pergi untuk memberikan diri saya kepada orang lain?
- Apakah yang menghalangi saya daripada bertindak balas kepada dorongan Roh Kudus?

Masa Misa & Doa		Tarikh	Keterangan
Chaplet Kerahiman Illahi Misa	8.30pg 9.00pg	**Ahad** **22 Dis**	**Hari Minggu ke-4 Masa Adven** Mic 5: 1-4 Hebr 10: 5-10 Lk 1: 39-45
Lauds Misa	6.20pg 6.45pg	**Isnin** **23 Dis**	Santo Yohanes dari Kanty, Pendeta
Caroling Misa **Cantata** Misa	5.00ptg 5.30ptg 10.00mlm 10.30mlm	**Selasa** **24 Dis**	
Selamat Hari Natal!			
Caroling Misa Misa (Bahasa Indonesia)	9.00pg 9.30pg 11.30pg	**Rabu** **25 Dis**	**Kelahiran Tuhan**
		Khamis **26 Dis**	Santo Stefanus, Martir Pertama
		Jumaat **27 Dis**	Santo Yohanes, Rasul & Penginjil
Tiada Misa Pagi **Novena kepada OMPH** Misa	5.15ptg 5.30ptg	**Sabtu** **28 Dis**	Orang-orang Tak Bersalah yang Kudus, Martir
Chaplet Kerahiman Illahi Misa	8.30pg 9.00pg	**Ahad** **29 Dis**	**Keluarga Kudus Yesus, Maria dan Yusuf** Ecclus 3: 2-6, 12-14 Col 3: 12-21 Lk 2: 41-52

PENGUMUMAN PAROKI / DIOSIS

Pengumuman Perkahwinan: Sabtu, 28 Dis 2024 | Misa (9.30 pg)
JOSHUA KHOR WEN LUN & ANNYLIYA A.ANTHONY
Sekiranya ada yang mengetahui sebarang halangan kanonik terhadap cadangan perkahwinan yang dinyatakan, sila hubungi paderi paroki.

Datang bersama
Berada bersama

JUBLI TAHUN HARAPAN 2025

Tarikh/Masa/Tempat: **Ahad, 29 Dis 2024 (5.00ptg)** di Katedral Roh Kudus.
Jemputan untuk menjadi sebahagian daripada peristiwa sakral ini sambil bersatu dalam iman dan harapan untuk memulakan perjalanan ini bersama-sama sebagai Peziarah Harapan. Perayaan Ekaristi akan dipimpin oleh Uskup Pulau Pinang dengan semua paderi-paderi dalam Keuskupan Pulau Pinang.

MISA EKARISTIKA & IBADAH PENYEMBUHAN *(TERBUKA KEPADA SEMUA)*

Tarikh/Masa: **Ahad, 12 Januari 2025 (2.00 ptg - 5.00 ptg)**
Tempat: Gereja St Francis Xavier, Pulau Pinang
Diraikan bersama oleh H.Em. Kardinal Sebastian Francis, Rev. Fr. Pat Collins C.N, Rev, Fr. Dr Charles Chiew KB. PA., dan Rev. Fr. Michael Raymond OFM. Cap. Anjuran bersama Kementerian Penyembuhan & Pembebasan dan Suruhanjaya Penginjilan Baharu Keuskupan Pulau Pinang.

SEJARAH KESELAMATAN: PERJALANAN EPIK PENCIPTAAN, KEJATUHAN & KESELAMATAN KITA

Kelas Al-Kitab atas talian yang disampaikan oleh Rt. Rev Richard Ng, Uskup Miri.
Tarikh/Masa: **Khamis dari 16 Jan - 22 Mei 2025 (8.00 mlm - 9.15 mlm)**
Daftar melalui Whatsapp sebelum Sel, 7 Jan 2025: 013-696 3530

Jawatankuasa penganjur ICE KACANG CHRISTMAS merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada anda semua kerana menyumbang kepada kejayaan majlis tersebut; daripada penghibur kepada sukarelawan, daripada vendor kepada pelawat. Sokongan anda amat berharga dalam menjadikan acara ini menyeronokkan, inklusif dan menarik untuk ahli paroki kami dan komuniti tempatan Sg Ara.
Tuhan memberkati anda dan keluarga anda.